

28 FEB 2002

Al-Quran-Braille (Laporan Khas Bergambar)

PELAJAR BUTA HASILKAN NASKHAH AL-QURAN DALAM BRAILLE

Oleh: Mohd Zahari Morad

ALOR SETAR, 28 Feb (Bernama) -- Seorang pelajar buta berusia 15 tahun, yang hafal Al Quran, berjaya menghasilkan naskhah Al Quran dalam tulisan braille, lengkap 30 juzuk.

Nabil Mahathir, 15, dari Taman Wira, Mergong mengambil masa setahun untuk menghasilkan naskhah itu yang siap pada penghujung 2000.

Bercakap kepada Bernama di rumahnya beliau berkata inisiatif menghasilkan naskhah Al-Quran dalam tulisan braille bagi memudahkan mereka yang buta dapat mendalami pengajian Al Quran.

Selain itu beliau menganggap penghasilannya itu satu ibadat kepada umat Islam.

Beliau mula menulis Al Quran dengan menggunakan mesin braille itu sejak awal tahun 2000, dengan menumpukan masa antara sejam dan dua jam sehari, terutama di sebelah petang.

Naskhah berkenaan siap dihasilkan dalam lima buku, dengan setiap buku mengandungi antara lima dan enam juzuk.

Bapanya, Mahathir Yusof, 58, berkata beliau sedang berusaha untuk mendapatkan hak paten terhadap ciptaan anaknya itu dan berharap pihak-pihak berkenaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dapat membantunya memperkembangkan penghasilan anaknya itu.

"Saya berharap penghasilan anak saya itu dapat diperkembangkan supaya ia dapat memberi faedah kepada seluruh umat Islam yang cacat penglihatan," kata pesara itu yang sebelum ini berkhidmat di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia.

Beliau berkata setakat ini belum ada mana-mana pihak yang menyemak kandungan naskhah Al-Quran yang dihasilkan oleh anak lelaki itu.

Nabil anak kelima dari lapan beradik, dilahirkan di Madinah semasa keluarganya menunaikan ibadat haji, dan mula cacat penglihatan semasa berusia tujuh bulan selepas terjatuh. Ibunya masih bertugas sebagai kakitangan kerajaan negeri.

Nabil memasuki sekolah rendah biasa pada usia 4 tahun dan berhenti pada Darjah 5. Pada usia 10 tahun, dia belajar di sebuah sekolah agama di Derga, dekat sini, dan mendalami ilmu menghafal Al Quran.

Sepanjang tempoh setahun belajar di sekolah agama di Derga itu, Nabil telah berjaya menghafal sembilan juzuk Al-Quran.

Bagi mendalami lagi ilmunya, bapanya telah menghantar anaknya itu belajar di University of Khartoum, Sudan selama hampir tiga tahun, yang menyaksikan remaja itu pulang pada usia 13 tahun bersama Diploma Bahasa Arab dan Menghafal Al Quran.

Semasa belajar di universiti itu, Nabil telah menunjukkan prestasi yang cemerlang yang setanding dengan pelajar yang tidak cacat penglihatan.

Mahathir berkata apabila kembali ke tanah air, beliau pernah memohon untuk memasukan anaknya ke Insaniah, pusat pengajian tinggi Islam milik kerajaan negeri Kedah.

"Tetapi permohonan itu ditolak kerana Nabil tidak mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia," katanya.

Berikutan itu, Mahathir telah mendaftarkan anaknya itu ke Tingkatan Satu, Sekolah Menengah Tunku Abdul Malik, tetapi berhenti di Tingkatan Dua kerana mahu meneruskan pengajian di Kolej Islam Darul Ulum, di Pokok Sena, sebuah kolej swasta.

Nabil mengambil jurusan Syariah di kolej itu selama empat tahun dengan pengajian tahun akhir di University Al-Azhar, Mesir, dengan harapan berjaya

memperolehi Ijazah Syariah.

Selain cekap menggunakan braille, Nabil juga boleh menggunakan komputer dengan bantuan perisian khas untuk orang cacat penglihatan.

Semalam, Nabil menghadiri satu ujian kecekapan menggunakan komputer di Perkampungan Digital Kedah. Dalam ujian itu dia dikehendaki menaip jawapan dengan menggunakan program MS Word, serta membuat graf.

Nabil berkata beliau akan berusaha mendapatkan komputer riba bagi memudahkannya belajar semasa di kolej.

-- BERNAMA

MZM RHM